



**STRUKTUR PEKERJAAN BAGI
SEKTOR INDUSTRI ELEKTRONIK
(Occupational Job Structures for
Electronic Industry Sector)**



JABATAN PEMBANGUNAN KEMAHIRAN

KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA

Jabatan Pembangunan Kemahiran
Kementerian Sumber Manusia, Malaysia

KANDUNGAN	MUKA SURAT
1. RINGKASAN EKSEKUTIF	1
2. KONSEP DAN STRUKTUR SISTEM PERSIJILAN KEMAHIRAN MALAYSIA	3
2.1 Standard Kemahiran Pekerjaan Kebangsaan	3
3. INDUSTRI ELEKTRONIK DI MALAYSIA – LATAR BELAKANG SEKTOR	7
3.1 Pendahuluan	7
3.2 Definisi Sektor Elektronik	7
3.3 Analisa Semasa Sektor / Sub sektor bagi Industri Elektronik	8
3.4 Polisi, Pertubuhan dan Pelan Pembangunan bagi Industri Elektronik	9
3.5 Keperluan Pekerja Mahir dalam Industri Tempatan	10
3.6 Persaingan Industri di Peringkat Antarabangsa	11
4. KAEDAH ANALISA PEKERJAAN – SEKTOR ELEKTRONIK	12
4.1 Kaedah Pembentukan Definisi Pekerjaan	12
4.2 Kaedah Keseluruhan Proses Analisa Pekerjaan	15
5. PENEMUAN	18
5.1 Tajuk Pekerjaan Sedia Ada dan Hierarki Sektor Elektronik	18
5.2 Sub sektor Baru Dikenalpasti	18
5.3 Pemetaan antara Cadangan Tajuk Pekerjaan Kepada Tajuk Pekerjaan Sedia Ada	25
5.4 Tahap Kemasukan/Laluan Kerjaya	27
5.5 Definisi Pekerjaan	28
5.6 Tajuk Pekerjaan Kritikal	29
6. KESIMPULAN DAN CADANGAN	36
7. RUJUKAN	37

SENARAI LAMPIRAN

Lampiran 1: Senarai Panel Pakar dan Fasilitator Bagi
Pembangunan Analisa Pekerjaan Elektronik

Lampiran 2: Definisi Pekerjaan dalam Sektor Elektronik

SENARAI RAJAH**MUKA SURAT**

Rajah 2.1: Struktur Persijilan Kemahiran	4
Rajah 2.2: Gambaran Tahap Rangka Kerja Kemahiran Pekerja Malaysia (MOSQF)	6
Rajah 4.1: Contoh Pengenalpastian Objek	13
Rajah 5.1: Matriks OA Sedia Ada Elektronik – OA Matrik Audio & Video Elektronik	20
Rajah 5.2: Cadangan Matrik Pekerjaan Sektor Elektronik	21
Rajah 5.3: Elektronik – Pengguna Elektronik	22
Rajah 5.4: Sub Sektor Perkhidmatan Pembaikan	23
Rajah 5.5: Sub Sektor Mikroelektronik	24
Rajah 5.6: Pemetaan antara Cadangan Sub Sektor kepada Sub Sektor Sedia Ada	26
Rajah 5.7: Jadual Kritikal dan Tidak Kritikal	32

1. RINGKASAN EKSEKUTIF

Industri Elektrik dan Elektronik (E&E) adalah penyumbang utama kepada pembangunan industri Malaysia dari segi keluaran, pendapatan tukaran asing dan aktiviti-aktiviti sokongan. Sepanjang tempoh Pelan Industri Malaysia ke-2, iaitu pada tahun 1996 hingga 2005, industri ini telah membuat pertumbuhan digit dua kali ganda dalam eksport, sekaligus mengekalkan posisi Malaysia sebagai pengeksport bersih produk E&E. Industri ini telah menghasilkan purata 50.5 peratus jumlah dagangan barangan jualan di sepanjang masa tersebut. Eksport dan pengeluaran Malaysia bagi semikonduktor pula berada di antara kelima terbesar di dunia dari tahun 2000 hingga 2004.

Elektronik Malaysia bersatu sebagai sebahagian daripada model pembangunan "*pro-poor*" berdasarkan industrialisasi pantas melalui pelaburan asing, ditambah pula dengan usaha tindakan politik yang tinggi untuk mencapai kesaksamaan dalam pengagihan kekayaan. Elektronik menjadi peneraju bagi industrialisasi berorientasikan eksport di Malaysia dan seterusnya menjana kejayaan untuk menarik FDI dengan perbelanjaan yang mahal. Kepimpinan domestik dan kuasa penawaran secara amnya adalah kurang dan kemampuan negara untuk menggalakkan lebih banyak pembangunan pelaburan asing adalah terhad.

Sumber manusia yang berkualiti dan mahir adalah amat penting dalam menjana kejayaan dalam industri Elektronik. Justeru, pengukuhan kerjasama dalam pembangunan sumber manusia di kalangan industri, organisasi sektor awam dan akademik adalah amat penting untuk melahirkan pekerja yang berkualiti.

Dalam melaksanakan Analisa Pekerjaan bagi sektor Elektronik, maklumat dalam industri Elektronik Malaysia telah dikumpul melalui tinjauan karya dan bengkel pembangunan telah diadakan untuk mendapat kefahaman yang lebih tentang struktur organisasi, tajuk pekerjaan, objektif hierarki dan aktiviti utama bagi sektor tersebut.

Sektor Elektronik merupakan sebuah industri yang mempunyai banyak potensi. Dengan adanya sokongan daripada pihak kerajaan serta sumber manusia yang kukuh, industri ini boleh berkembang dengan lebih baik pada masa hadapan.


2. KONSEP DAN STRUKTUR SISTEM PERSIJILAN KEMAHIRAN MALAYSIA

2.1 STANDARD KEMAHIRAN PEKERJAAN KEBANGSAAN (SKPK)

NOSS adalah dokumen yang menggariskan ketrampilan yang diperlukan oleh seseorang pekerja mahir yang bekerja di Malaysia bagi sesuatu bidang dan tahap pekerjaan serta laluan untuk mencapai ketrampilan tersebut.

SKM TAHAP 1: (Operasi dan Pengeluaran)	Trampil dalam melaksanakan sekumpulan aktiviti kerja yang sebahagian besarnya adalah lazim dilakukan dan boleh dijangka.
SKM TAHAP 2: (Operasi dan Pengeluaran)	Trampil dalam melakukan sekumpulan aktiviti kerja yang dilakukan dalam pelbagai konteks, dan sesetengahnya adalah bukan lazim dilakukan serta memerlukan tanggungjawab dan autonomi diri.
SKM TAHAP 3: (Penyeliaan)	Trampil dalam melakukan pelbagai aktiviti kerja dalam pelbagai konteks, yang kebanyakannya adalah kompleks dan bukan lazim dilakukan. Diperlukan juga unsur tanggungjawab dan autonomi diri yang tinggi, di samping mengawal dan memberi panduan kepada yang lain.
DKM TAHAP 4: (Eksekutif)	Trampil dalam melakukan aktiviti kerja teknikal dan profesional yang luas skopnya, serta dilakukan dalam pelbagai konteks dan dengan tanggungjawab dan autonomi diri pada tahap yang tinggi.
DLKM TAHAP 5: (Pengurusan)	Trampil dalam menggunakan pelbagai prinsip asas dan teknik yang kompleks bagi pelbagai konteks yang luas skopnya dan selalunya tidak dijangka. Memiliki autonomi dan tanggungjawab yang luas terhadap kerja orang lain dan sumber-sumber yang diperuntukkan; juga bertanggungjawab dalam analisis, diagnosis, rekabentuk, perancangan, pelaksanaan dan penilaian.

Sumber: Jabatan Pembangunan Kemahiran



Rajah 2.1: Struktur Persijilan Kemahiran

Sumber: Jabatan Pembangunan Kemahiran
Dikaji semula pada 16 Januari 2009

RANGKA KERJA KEMAHIRAN PEKERJAAN MALAYSIA (MOSQF)

Tahap	Gambaran Tahap
1	Pencapaian pada tahap ini menggambarkan kebolehan untuk menggunakan pengetahuan, kemahiran dan prosedur yang relevan bagi menyelesaikan tugas yang rutin dan dijangka yang mengandungi tanggungjawab bagi menyempurnakan tugas dan prosedur berdasarkan halatuju atau panduan
2	Pencapaian pada tahap ini menggambarkan kebolehan untuk memilih dan menggunakan pengetahuan, idea, kemahiran dan prosedur yang relevan untuk menyelesaikan tugas yang ditakrifkan dengan jelas dan mengemukakan masalah dengan jelas. Ia juga melibatkan pengambilan tanggungjawab bagi menyelesaikan tugas dan prosedur, dan pengamalan autonomi dan pengadilan berdasarkan kepada keseluruhan halatuju atau panduan
3	Pencapaian pada tahap ini menggambarkan kebolehan untuk mengenalpasti dan menggunakan pemahaman, kaedah dan kemahiran yang relevan untuk menyelesaikan tugas dan mengemukakan masalah yang ditakrifkan dengan jelas dengan ukuran kerumitan. Ia juga melibatkan pengambilan tanggungjawab bagi memulakan dan menyelesaikan tugas dan prosedur sebagaimana pengamalan autonomi dan pengadilan di dalam parameter yang terhad. Ia juga menggambarkan kesedaran bagi perspektif yang berbeza atau pendekatan di dalam bidang kajian atau kerja
4	Pencapaian pada tahap ini menggambarkan kebolehan untuk mengenalpasti dan menggunakan pemahaman, kaedah dan kemahiran yang relevan untuk mengemukakan masalah yang ditafsirkan dengan jelas tetapi kompleks dan tidak rutin. Ia melibatkan pengambilan tanggungjawab bagi keseluruhan haluan tindakan sebagaimana pengamalan autonomi dan pengadilan di dalam pelbagai parameter yang adil. Ia juga menggambarkan pemahaman tentang perbezaan perspektif atau pendekatan di dalam bidang kajian atau kerja
5	Pencapaian pada tahap ini menggambarkan kebolehan untuk mengenalpasti dan menggunakan pemahaman, kaedah dan kemahiran yang relevan untuk mengemukakan pelbagai tafsiran, masalah kompleks. Ia juga melibatkan pengambilan tanggungjawab bagi perancangan dan pembangunan haluan tindakan sebagaimana pengamalan autonomi dan pengadilan di dalam pelbagai parameter. Ia juga menggambarkan pemahaman bagi perbezaan perspektif, pendekatan atau pendapat dan alasan disebaliknya
6	Pencapaian pada tahap ini menggambarkan kebolehan untuk memperbaiki dan menggunakan pemahaman, kaedah dan kemahiran yang relevan untuk mengemukakan masalah kompleks yang mempunyai definisi yang terhad. Ia juga melibatkan pengambilan tanggungjawab bagi perancangan dan pembangunan haluan tindakan yang membolehkan untuk menyokong banyak perubahan atau pembangunan, sebagaimana pengamalan pelbagai autonomi dan pengadilan. Ia juga menggambarkan pemahaman bagi perbezaan perspektif, pendekatan sekolah bagi pendapat dan teori yang menyokongnya

Tahap	Gambaran Tahap
7	Pencapaian pada tahap ini menggambarkan kebolehan untuk mengatur semula dan menggunakan pemahaman, kaedah-kaedah dan pendekatan yang relevan untuk mengemukakan situasi yang bermasalah yang melibatkan banyak faktor yang saling bertindak. Ia juga melibatkan pengambilan tanggungjawab bagi perancangan dan pembangunan haluan tindakan yang memulakan atau menyokong perubahan atau pembangunan yang besar, sebagaimana pengamalan pelbagai autonomi dan pengadilan. Ia juga menggambarkan pemahaman teori dan kaedah perspektif yang relevan dan bagaimana mereka yang mempengaruhi bidang kerja atau kajian
8	Pencapaian pada tahap ini menggambarkan kebolehan untuk membangunkan pemahaman asli dan memperkembangkan bidang pengetahuan atau amalan profesional. Ia menggambarkan kebolehan untuk mengemukakan situasi yang bermasalah yang melibatkan banyak kerumitan, faktor yang saling bertindak melalui memulakan, merekabentuk dan menjalankan penyelidikan, pembangunan atau aktiviti strategik. Ia melibatkan amalan pelbagai autonomi, pengadilan dan kepimpinan dalam perkongsian tanggungjawab bagi pembangunan bidang kerja atau pengetahuan atau bagi penciptaan perubahan profesional atau organisasi yang besar. Ia juga menggambarkan pemahaman yang kritikal bagi teori dan kaedah perspektif yang relevan dan bagaimana ianya mempengaruhi bidang pengetahuan atau kerja

Rajah 2.2: Gambaran Tahap Rangka Kerja Kemahiran Pekerjaan Malaysia (MOSQF)

Sumber: Bahagian MOSQ, Jabatan Pembangunan Kemahiran
Dikaji Semula: 2 April 2008

3. INDUSTRI ELEKTRONIK DI MALAYSIA – LATAR BELAKANG SEKTOR

3.1 PENDAHULUAN

Kategori produk elektronik boleh dibahagikan kepada tiga segmen iaitu komponen elektronik termasuk semikonduktor, komponen pasif dan komponen lain seperti papan litar bercetak, bahagian *stamped* logam dan bahagian persisian plastik. Dua segmen yang lain adalah elektronik perindustrian termasuk produk teknologi maklumat dan multimedia, peralatan telekomunikasi dan peralatan pejabat dan juga elektronik pengguna termasuk produk audio, produk visual audio serta produk-produk lain seperti aksesori audio visual, kamera dan permainan elektronik.

Sepanjang jangka masa IMP2, sejumlah 901 buah syarikat mengeluarkan kebanyakan komponen elektronik dan produk elektrik pada operasi permulaan E&E. Selain itu, mereka menganggarkan lebih 65 peratus jumlah syarikat E&E dalam operasi.

3.2 DEFINISI SEKTOR ELEKTRONIK

Elektronik boleh didefinisikan sebagai penghubung kepada aplikasi cabang sains yang berurusan dengan pergerakan dan pengeluaran cas elektron bebas terutamanya dalam vakum, gas atau tiub foto dan konduktor khas atau semikonduktor. Produk di bawah sektor ini termasuklah peranti semikonduktor (*fabricated wafers*, litar bersepadu dan rekabentuk litar bersepadu), komponen pasif (kapasitor, inductor, perintang) dan komponen lain (seperti media storan, bahagian cakera keras, PCB dan komponen / bahagian plastik dan logam bagi aplikasi elektrik dan elektronik. Pelaburan modal bagi tahun 2007 dianggarkan bernilai RM10.7 billion (US\$3.45 billion). Di dalam sub sektor ini, industri semikonduktor adalah dominan dalam pengeluaran, penciptaan kerjaya dan penyumbangan eksport. Peranti semikonduktor utama mengeluarkan litar bersepadu digital dan linear, memori dan mikro-pemprosesan, opto-elektronik, peranti persaingan, campuran dan arrays.

Menurut Buku Panduan Statistik UNCTAD 2006 – 2007, Malaysia berada di dalam lingkungan pengekspor peranti semikonduktor kelima terbesar di dunia. Jumlah eksport peranti semikonduktor pada 2007 bernilai RM96.5 billion (US\$31.13 billion) atau 39.4% daripada jumlah eksport elektronik.

3.3 ANALISA SEMASA SEKTOR / SUB SEKTOR INDUSTRI ELEKTRONIK

Industri elektronik merupakan peneraju sektor perindustrian Malaysia yang menyumbang kepentingan kepada keluaran, eksport dan kerjaya pembuatan negara. Pada tahun 2007, keluaran kasar industri berjumlah RM197.1 billion (US\$61.6 billion), sementara industri eksport produk elektrik dan elektronik berjumlah RM266.3 billion (US\$83.2 billion) atau 58.9 peratus daripada eksport pembuatan Malaysia dan 44 peratus daripada jumlah eksport Malaysia.

Hari ini, industri elektronik Malaysia telah membangunkan kapasiti kepentingan dan kemahiran dalam pembuatan pelbagai jenis peranti semikonduktor, barangan pengguna akhir dan produk teknologi maklumat dan komunikasi. Pengilang elektronik dalam negara berterusan meningkatkan rantai nilai untuk mengeluarkan produk nilai tambah untuk mengekalkan persaingan. Ianya termasuklah meningkatkan usaha penyelidikan dan pembangunan dan aktiviti penyumberdalaman bagi syarikat berkaitan seluruh dunia.

3.4 POLISI, PERTUBUHAN DAN PELAN PEMBANGUNAN BAGI INDUSTRI ELEKTRONIK

(i) Pertubuhan

Persatuan Elektrik dan Elektronik Malaysia (TEEAM)

Persatuan Elektrik dan Elektronik Malaysia merupakan sebuah badan perwakilan industri elektrik dan elektronik di Malaysia. Ditubuhkan pada 1952, TEEAM bergiat aktif dalam mewakili kepentingan industri dalam kerajaan kebangsaan dan forum antarabangsa dan juga aktif di dalam penggalakan latihan teknikal bagi industri pembinaan dan bangunan. TEEAM bekerja rapat dengan jabatan kerajaan, badan perundangan dan sektor swasta untuk memastikan dan menggalakkan pertumbuhan dan pembangunan tersusun bagi industri elektrik dan elektronik.

TEEAM secara rasmi mewakili Majlis Latihan Vokasional Kebangsaan (kini dikenali sebagai Jabatan Pembangunan Kemahiran), Jabatan Bekalan Elektrik & Gas (kini dikenali sebagai Suruhanjaya Tenaga), Jawatankuasa Teknikal SIRIM Bhd dan Organisasi Penulisan Standard (SWO) bagi produk / perkhidmatan elektrik dan elektronik.

(ii) Pelan Pembangunan

Pelan Industri Malaysia Ketiga (IMP3)

Sepanjang jangka masa Pelan Industri Malaysia Ketiga (IMP3), 2006 – 2020, industri ini terus berkembang dan menyumbang kepentingan kepada perubahan dan perkembangan industri. Ia juga mempunyai kelebihan terhadap kekuatan dalam industri semikonduktor, teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) dan industri sokongan untuk membangunkan produk baru berdasarkan kemunculan teknologi baru. Tren ke arah aplikasi yang meluas bagi elektronik dalam industri dan perkhidmatan, bersama dengan pembangunan multimedia ICT, akan

menyediakan peluang pertumbuhan terutamanya dalam bidang yang kecil, digitalisasi dan aplikasi multimedia.

Tren ke arah penyumberluaran (outsourcing) akan diteruskan, seperti usaha MNC untuk mengekalkan persaingan dalam perniagaan teras. Dalam terma sederhana hingga jangka masa panjang, industri akan memperkuat hubungan dengan industri automotif, perubatan, pertahanan dan aeroangkasa. Pembangunan perindustrian baru dan produk elektronik pengguna melalui aplikasi elektronik dan ICT akan menarik pelaburan besar ke dalam industri. Industri sokongan dan perkhidmatan dijangka akan berkembang seiring dengan pembangunan ini.

3.5 KEPERLUAN PEKERJA MAHIR DALAM SEKTOR INDUSTRI TEMPATAN

Terdapat kekurangan pekerja terutamanya buruh tempatan yang dihadapi oleh industri Elektronik. Justeru, kerajaan memastikan terdapat modal insan yang cukup untuk menyokong industri elektronik, yang seterusnya menyumbang kepada kepentingan ekonomi Malaysia. Dalam memberi perhatian kepada keperluan tenaga kerja bagi industri elektronik, kerajaan merancang untuk melahirkan sekurang-kurangnya 50 penyelidik, saintis dan jurutera bagi setiap 10,000 tenaga buruh.

Kerajaan juga telah memperuntukkan RM36.2 juta di bawah Rancangan Malaysia Ke-9 untuk menaik taraf institusi sedia ada dalam negara yang menyediakan latihan mikroelektronik.

Persatuan Mekanikal, Elektrik dan Elektronik Melayu merancang untuk membangunkan pusat latihan yang bernilai RM10 juta untuk menyokong inisiatif kerajaan untuk meningkatkan tenaga kerja mahir dalam sector ini. Presidennya, Mohsen Hasbollah berkata bahawa pusat tersebut akan digelar “Akademi Perkem”, yang akan dibina dalam kerjasama dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan (CIDB).

Mohsen berkata akademi tersebut, dijangka akan melahirkan 2,000 pekerja mahir setahun, yang juga menerima orang asing untuk menjalani latihan. Beliau juga berkata bahawa akademi tersebut akan dilengkapi dengan kemudahan moden dan kakitangan pengajar yang berkelayakan yang memfokuskan dalam memperbaiki kualiti kerja dan melahirkan tenaga kerja berkualiti.

3.6 PERSAINGAN INDUSTRI DI PERINGKAT ANTARABANGSA

Malaysia menyediakan persekitaran yang berdaya saing bagi sektor peralatan elektronik. Malaysia merupakan pembekal produk elektrik dan elektronik keenam terbesar ke EU dan ianya dianggarkan 4.5 peratus daripada kumpulan import global. Dalam masa empat bulan pertama pada tahun 2006, eksport ke EU telah meningkat 11.5 peratus mencecah RM21.78 billion sementara import meningkat 7.3 peratus kepada RM17.4 billion.

Terdapat pandangan yang jelas berdasarkan kesan kenaikan harga minyak. Ekonomi global menunjukkan darjah ketahanan yang tinggi terhadapnya dan pusingan industri elektronik global telah menunjukkan peningkatan. Malaysia juga telah mengambil keuntungan daripada peningkatan ini.

Gabenor Bank Negara berkata bahawa sektor elektronik di Malaysia dijangka mengambil keuntungan daripada peningkatan tren dalam pusingan elektronik global dan harga komoditi tersebut dijangkakan akan terus kekal pada tahap tinggi, yang mana akan menyokong pertumbuhan eksport seperti mana penggunaan persendirian.

4. KAEDAH ANALISA PEKERJAAN – SEKTOR ELEKTRONIK

Dalam melaksanakan Analisa Pekerjaan, perjumpaan permulaan telah diadakan bertujuan untuk menstrategikan Pelan Tindakan menurut garis panduan yang telah ditetapkan oleh Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK) dalam terma skop pengajian, kerangka waktu dan perwakilan oleh panel-panel pakar Elektronik daripada sektor awam dan swasta seperti yang disyaratkan dalam surat penawaran. Selepas perjumpaan tersebut, satu Pelan Tindakan telah dibentuk untuk mengambil pertimbangan aktiviti-aktiviti dan kerangka masa yang diperlukan.

Bab ini dibahagikan kepada 2 bahagian; metodologi yang dicadangkan untuk membentuk Definisi Pekerjaan bagi setiap Tajuk Pekerjaan dan metodologi bagi keseluruhan proses Analisa Pekerjaan.

4.1 KAEDAH PEMBENTUKAN DEFINISI PEKERJAAN

Metodologi yang digunakan merupakan metodologi yang dibentuk oleh fasilitatornya sendiri iaitu Dr. Amiron Ismail yang mana merupakan seorang fasilitator yang berpengalaman dalam pembangunan NOSS, COS, LG dan WIM. Metodologi ini digunakan untuk menghasilkan Definisi Pekerjaan yang jelas dalam skop pekerjaan utama bagi tajuk pekerjaan, kata kerja yang digunakan adalah berdasarkan kepada tahap kesukaran dan objeknya jelas diterangkan.

Di bawah merupakan langkah-langkah utama dalam menghasilkan Definisi Pekerjaan bagi setiap tajuk pekerjaan yang didapati dalam Analisa Pekerjaan:


- (i) Menentukan sub sektor utama dan bidang-bidang dalam sektor
- (ii) Mengenalpasti tajuk pekerjaan
- (iii) Mengenalpasti skop pekerjaan

Untuk menghuraikan Definisi Pekerjaan dengan lebih jelas, kenyataan tersebut haruslah mengandungi **kata kerja**, **objek** dan **penerang**. Rasional penentuan ciri-ciri definisi adalah, untuk memastikan konsistensi dan penerusan penggunaan ciri-ciri tersebut dalam Analisa Pekerjaan, Analisa Kerja kepada Pembangunan Analisa Tugas.

(a) Objek


Pertama, objek akan ditentukan sebelum dua ciri-ciri lain. Objek bagi setiap kerja adalah penentu utama bagi membezakan satu kerja dengan kerja yang lain. Contohnya, demi-chef (sub sektor dapur bagi Industri Hotel), berurusan dengan makanan dan peralatan memasak sebagai objek untuk melaksanakan tugas. Sementara itu, pendandan rambut berurusan dengan rambut pelanggan, bahan kimia dandanan rambut dan lain-lain lagi.

Objek tersebut diperolehi daripada ahli panel pakar di sepanjang sesi percambahan fikiran dan juga sesi penulisan di atas kad DACUM. Oleh itu, kesemua ahli panel boleh melihat pengenalpastian objek. Objek bagi bidang-bidang atau sub sektor yang berkaitan dengan industri E&E ditentukan seperti di bawah:



Rajah 4.1: Contoh Pengenalpastian Objek

Legend:



(b) Kata Kerja

Kata kerja ditentukan berdasarkan tahap kesukaran bagi tajuk pekerjaan yang telah dikenalpasti seperti di bawah:

- **Objek** : *jadual penyenggaraan*
- Kata kerja bagi Tahap 6 : **Melaksanakan**
- Kata kerja bagi Tahap 7: **Menganalisa**
- Kata kerja bagi Tahap 8: **Menilai**

Oleh itu, kandungan definisi pekerjaan adalah seperti berikut:

- Pembantu Pengurus Fabrikasi Litar Bersepadu (Tahap 6)
 - ✓ **Melaksanakan** *jadual penyenggaraan + (penerang)*
- Pengurus Fabrikasi Litar Bersepadu (Tahap 7)
 - ✓ **Menganalisa** *jadual penyenggaraan + (penerang)*
- Pakar Mikroelektronik (Tahap 8)
 - ✓ **Menilai** *jadual penyenggaraan + (penerang)*

(c) Penerang

Berdasarkan kepada contoh di atas, pernyataan tidak jelas yang mana ianya tidak mempunyai penerang bagi objek. Oleh itu penerang perlu ditambah untuk penjelasan lebih lanjut. Di bawah disertakan contoh:

- *Menganalisa jadual penyenggaraan bagi peralatan elektrik dan elektronik*

4.2 KAEDAH KESELURUHAN PROSES ANALISA PEKERJAAN

(i) Kajian literasi

Seperti yang digariskan oleh panduan JPK, kajian literasi ke atas sektor Elektronik telah dijalankan untuk mendapat kefahaman tentang skop, polisi, program dan aktiviti-aktiviti yang dijalankan dalam konteks senario Malaysia. Skop yang diliputi dalam kajian ini termasuklah definisi, analisa ke atas sektor, sub sektor dan status terkini industri sektor Elektronik, keperluan pekerja berkemahiran dalam industri tempatan dan persaingan industri pada peringkat antarabangsa.

(ii) Mengenalpasti pakar industri dan sektor awam

Hasil kajian literasi telah digunakan sebagai rujukan untuk mengenalpasti skop kajian pekerjaan. Berdasarkan usaha dengan syarikat Elektronik, pakar dalam sektor Elektronik dapat dikenalpasti dan disenaraikan untuk hubungan lanjut.

(iii) Mewujudkan komunikasi dengan pakar sektor Elektronik

Sekumpulan pakar Elektronik daripada industri dan sektor awam telah dihubungi. Senarai pakar tersebut boleh dirujuk di dalam *Lampiran 1*.

(iv) Pengumpulan maklumat

Dalam proses pengumpulan maklumat, dua kaedah telah digunakan iaitu sumbangsaran (*brainstorming*) dan *Developing a Curriculum* (DACUM). Sesi DACUM dan sumbangsaran ini telah dihadiri panel pakar yang telah membincangkan sub sektor Elektronik. Hasil pengumpulan maklumat telah digunakan sebagai input analisa pekerjaan industri Elektronik.

(v) Penganalisaan Maklumat

Berdasarkan aktiviti-aktiviti yang telah dijalankan di atas, maklumat penting telah dikenalpasti. Maklumat dan data ini telah dianalisa dan dibincangkan dalam beberapa bengkel yang dihadiri pakar industri. Kehadiran pakar industri adalah untuk sama-sama membangunkan Analisa Pekerjaan bagi sektor Elektronik. Rangka di bawah digunakan untuk mengkaji semula dan mengubah rangka sub sektor Elektronik:

- (a) Skop sektor Elektronik dan sub sektornya
- (b) Bidang utama
- (c) Kumpulan kerja utama dalam industri
- (d) Tajuk pekerjaan
- (e) Struktur hierarki (Tahap 1 – 8)
- (f) Definisi pekerjaan

(vi) Menjalankan bengkel bersama panel pakar

Pada bengkel pertama, telah dijalankan pembangunan Analisa Pekerjaan bagi sektor Elektronik. Maklumat berkaitan bengkel-bengkel tersebut ada dinyatakan di bawah:

- (a) Dijalankan pada 8 dan 9 November 2008 di Tiara Beach Resort, Port Dickson. Objektif bengkel adalah:
 - Pembentangan hasil kajian awal
 - ✓ Rangka tajuk pekerjaan
 - ✓ Struktur kerjaya
 - ✓ Struktur hierarki (Tahap 1 – 8)
 - ✓ Definisi pekerjaan
 - Sesi Analisa Pekerjaan
 - Pengesahan hasil kajian

(b) Bengkel kedua telah dijalankan pada 19 hingga 21 Disember 2008 di Professional & Technical Academy, Melaka. Objektif bengkel adalah:

- Mengkaji semula :
 - ✓ Tajuk Pekerjaan
 - ✓ Struktur Kerjaya
 - ✓ Struktur Hierarki (Tahap 1 – 8)
 - ✓ Definisi Pekerjaan
- Pengesahan (*proofreading*) bagi:
 - ✓ Tajuk Pekerjaan
 - ✓ Struktur Kerjaya
 - ✓ Struktur Hierarki (Tahap 1 – 8)
 - ✓ Definisi Pekerjaan
 - ✓ Pengesahan hasil kajian

5. PENEMUAN

Penemuan daripada penyelidikan Analisa Pekerjaan sektor Elektronik boleh dibahagikan kepada empat kategori iaitu tajuk pekerjaan sedia ada, cadangan tajuk pekerjaan, pemetaan antara tajuk pekerjaan baru dan sedia ada serta laluan kerjaya dan tahap kemasukan bagi sektor ini.

5.1 TAJUK PEKERJAAN DAN HIERARKI SEKTOR ELEKTRONIK SEDIA ADA

Bagi sektor Elektronik, tiga bidang utama telah dikenalpasti iaitu Pengeluaran Semikonduktor, Audio Visual Elektronik dan Elektronik Perindustrian. Terdapat 13 tajuk pekerjaan dari Tahap 1 hingga Tahap 5 dalam sektor ini.

5.2 SUB SEKTOR BARU YANG DIKENALPASTI

Sub sektor baru yang dikenalpasti bagi sektor Elektronik telah didapati melalui kajian literasi dan juga perbincangan dengan pakar industri sepanjang sesi bengkel pembangunan. Bagi sektor Elektronik, terdapat tiga sub sektor yang dikenalpasti iaitu Pengguna Elektronik, Perkhidmatan Pembaikan dan Mikroelektronik.

Matrik OA bagi sektor ini dimasukkan dalam bahagian ini. Terdapat 77 tajuk pekerjaan wujud di dalam cadangan sub sektor. Jumlah sub sektor pula hanya terdapat tiga sahaja. Cadangan sub sektor tersebut, bidang dan tajuk pekerjaan berdasarkan kepada industri semasa dan teknologi Elektronik semasa yang digunakan di Malaysia. Butiran Tajuk Pekerjaan dan Hierarki disertakan dalam bahagian ini. Di bawah, merupakan penerangan bagi setiap sub sektor.

(a) Pengguna Elektronik

Sub sektor ini selanjutnya dibahagikan kepada dua bidang iaitu Penyelidikan & Pembangunan dan Pembuatan. Terdapat 26 Tajuk

Pekerjaan di bawah bidang Penyelidikan & Pembangunan. Bidang Penyelidikan & Pembangunan berurusan dengan kerja yang mengendalikan aktiviti R&D dan bermula pada Tahap 4 hingga Tahap 8. Ia juga dibahagikan kepada 8 sub bidang iaitu:

- Pengurusan Kuasa
- EMI & EMC
- Antaramuka
- RF
- Sistem *Embedded*
- Papan Litar Bercetak
- Elektronik Optik
- Pemprosesan Isyarat Digital

Pembuatan mengandungi 28 tajuk pekerjaan dan bermula pada Tahap 1 hingga Tahap 7. Skop kerja yang utamanya berurusan dengan aspek pembuatan Produk Elektronik. Ianya dibahagikan kepada 2 sub bidang iaitu:

- Kualiti
- Pengeluaran

(b) Perkhidmatan Pembaikan

Sub sektor ini bermula pada Tahap 1 sehingga Tahap 4 dan mempunyai 4 tajuk pekerjaan. Ianya berurusan terutamanya dengan pembaikan produk.

(c) Mikroelektronik

Sub sektor ini mengandungi skop kerja yang berurusan dengan komponen mikroelektronik bagi peralatan elektronik iaitu Litar Bersepadu. Berikut merupakan bidang-bidangnya:

- Rekabentuk Litar Bersepadu
- Fabrikasi Litar Bersepadu
- Ujian Litar Bersepadu

Terdapat sejumlah 19 tajuk pekerjaan dan ianya bermula daripada Tahap 1 hingga Tahap 8 bagi Fabrikasi Litar Bersepadu dan Ujian Litar Bersepadu, walau bagaimanapun, Rekabentuk Litar Bersepadu bermula pada Tahap 4, Pembantu Teknologis Rekabentuk Litar Bersepadu.

	Elektronik Perindustrian	Pengeluaran Semikonduktor	Visual Audio Elektronik
L5	E-030-5 Jurutera Elektronik Perindustrian (19-07-2001)	<i>Belum Ada</i>	EE-010-5 Eksekutif Kanan Teknologi Audio Visual Elektronik (08-01-2008)
L4	E-030-4 Pembantu Jurutera Elektronik Perindustrian (19-07-2001)		EE-010-4 Eksekutif Teknologi Audio Visual Elektronik (08-01-2008)
L3	E-011-3 Juruteknik Kanan Elektronik Perindustrian – Peralatan (26-10-93) (19-07-2001 (P))	EE-020-3 Juruteknik Semikonduktor (08-01-2008)	EE-010-3 Juruteknik Kanan Audio Visual Elektronik (08-01-2008)
L2	E-011-2 Mekanik Elektronik Perindustrian – Peralatan (26-10-93) (19-07-2001 (P))	EE-020-2 Pembantu Juruteknik Semikonduktor (08-01-2008)	EE-010-2 Juruteknik Audio Visual Elektronik (08-01-2008)
L1	E-011-1 Pembantu Juruteknik Elektronik Perindustrian – Peralatan (26-10-93) (19-07-2001 (P))	EE-020-1 Operator Pengeluaran Semikonduktor (08-01-2008)	EE-010-1 Pembantu Juruteknik Audio Visual Elektronik (08-01-2008)

Rajah 5.1: Matrik OA Elektronik Sedia Ada – Matrik OA Audio & Video Elektronik

SUB SEKTOR	PERKHIDMATAN PEMBAIKAN
BIDANG	PRODUK
L8	<i>Belum Ada</i>
L7	<i>Belum Ada</i>
L6	<i>Belum Ada</i>
L5	<i>Belum Ada</i>
L4	PENYELIA PERKHIDMATAN PEMBAIKAN
L3	JURUTEKNIK KANAN PERKHIDMATAN PEMBAIKAN
L2	JURUTEKNIK PERKHIDMATAN PEMBAIKAN
L1	PEMBANTU JURUTEKNIK PERKHIDMATAN PEMBAIKAN

Rajah 5.4: Sub Sektor Perkhidmatan Pembaikan

SUB SEKTOR	MIKROELEKTRONIK		
BIDANG	REKABENTUK LITAR BERSEPADU	FABRIKASI LITAR BERSEPADU	UJIAN LITAR BERSEPADU
L8	PAKAR UTAMA MIKROELEKTRONIK		
L7	PAKAR REKABENTUK LITAR BERSEPADU	PAKAR FABRIKASI LITAR BERSEPADU	PAKAR UJIAN LITAR BERSEPADU
L6	TEKNOLOGIS KANAN REKABENTUK LITAR BERSEPADU	TEKNOLOGIS KANAN FABRIKASI LITAR BERSEPADU	TEKNOLOGIS KANAN UJIAN LITAR BERSEPADU
L5	TEKNOLOGIS REKABENTUK LITAR BERSEPADU	TEKNOLOGIS FABRIKASI LITAR BERSEPADU	TEKNOLOGIS UJIAN LITAR BERSEPADU
L4	PEMBANTU TEKNOLOGIS REKABENTUK LITAR BERSEPADU	PEMBANTU TEKNOLOGIS FABRIKASI LITAR BERSEPADU	PEMBANTU TEKNOLOGIS UJIAN LITAR BERSEPADU
L3	<i>Tiada Tahap</i>	PENYELIA FABRIKASI LITAR BERSEPADU	PENYELIA UJIAN LITAR BERSEPADU
L2	<i>Tiada Tahap</i>	JURUTEKNIK FABRIKASI LITAR BERSEPADU	JURUTEKNIK UJIAN LITAR BERSEPADU
L1	<i>Tiada Tahap</i>	PEMBANTU JURUTEKNIK FABRIKASI LITAR BERSEPADU	PEMBANTU JURUTEKNIK UJIAN LITAR BERSEPADU

* Pre requisite kepada Tahap 4, Rekabentuk Litar Bersepadu adalah Tahap 3 Fabrikasi Litar Bersepadu atau Ujian Litar Bersepadu

Rajah 5.5: Sub Sektor Mikroelektronik

5.3 PEMETAAN ANTARA CADANGAN SUB SEKTOR KEPADA SUB SEKTOR SEDIA ADA

Disebabkan perkembangan semasa dalam industri Elektronik, tajuk pekerjaan sedia ada dalam Daftar Tajuk Pekerjaan JPK bagi sektor ini telah dikaji semula dan ditingkatkan. Pemetaan antara cadangan sub sektor kepada sub sektor sedia ada disertakan dalam bahagian ini menurut pandangan keseluruhan semua sub sektor. Terdapat beberapa isu yang timbul berkenaan dengan pemetaan seperti yang diterangkan di bawah:

(i) Tahap

Menurut keperluan JPK, untuk mengambil pertimbangan terhadap lanjutan tajuk pekerjaan daripada Tahap 5 sedia ada ke Tahap 8, terdapat banyak tahap sedia ada telah berubah ke tahap yang lebih tinggi berbanding yang sedia ada.

(ii) Sub Sektor, Bidang atau Tajuk Pekerjaan Baru Sedia Ada

Sebagaimana terdapat tajuk pekerjaan yang baru dijelaskan, ianya tidak mustahil untuk memetakan kesemuanya kepada NOSS sedia ada. Walau bagaimanapun, pemetaan telah dilakukan antara cadangan tajuk pekerjaan kepada NOSS sedia ada berdasarkan skop kerja yang dirasakan relevan dan boleh digunakan sebagai rujukan.

(iii) Pemetaan bagi Sub Sektor Elektronik

Pemetaan bagi cadangan sub sektor Elektronik kepada sub sektor sedia ada boleh dilihat daripada Rajah 5.6. Cadangan sub sektor Mikroelektronik boleh dipetakan kepada sub sektor Pengeluaran Semikonduktor sedia ada, cadangan sub sektor Perkhidmatan Pembaikan dan Pengguna Elektronik boleh dipetakan kepada Audio Visual Elektronik sedia ada dan sub sektor Elektronik Perindustrian.

SUB SEKTOR SEDIA ADA		ELEKTRONIK		
		Pengeluaran Semikonduktor	Audio Visual Elektronik	Elektronik Perindustrian
CADANGAN SUB SEKTOR				
Elektronik	Pengguna Elektronik			
	Perkhidmatan Pembaikan			
	Mikroelektronik			

Rajah 5.6: Pemetaan antara Cadangan Sub Sektor kepada Sub Sektor Sedia
Ada

5.4 TAHAP PERMULAAN / LALUAN KERJAYA

(i) Tahap Permulaan pada Tahap 1

Sub sektor: Perkhidmatan Pembaikan, Ujian Litar

Bersepadu dan Fabrikasi Litar Bersepadu

Perkhidmatan Pembaikan	Ujian Litar Bersepadu	Fabrikasi Litar Bersepadu
Tahap 4	Tahap 8	Tahap 8
Tahap 3	Tahap 7	Tahap 7
Tahap 2	Tahap 6	Tahap 6
Tahap 1	Tahap 5	Tahap 5
	Tahap 4	Tahap 4
	Tahap 3	Tahap 3
	Tahap 2	Tahap 2
	Tahap 1	Tahap 1

Sub sektor dan bidang Ujian Litar Bersepadu, Fabrikasi Litar Bersepadu dan Perkhidmatan Pembaikan bermula pada Tahap 1 kerana tugas Pembantu Juruteknik melibatkan kerja rutin.

(ii) Tahap Permulaan pada Tahap 2

Sub sektor: Kawalan Kualiti dan Jaminan Kualiti

Kawalan Kualiti	Jaminan Kualiti
Tiada Tahap	Tiada Tahap
Tahap 7	Tahap 7
Tahap 6	Tahap 6
Tahap 5	Tahap 5
Tahap 4	Tahap 4
Tahap 3	Tahap 3
Tahap 2	Tahap 2

Kedua-dua bidang di atas mempunyai tajuk pekerjaan daripada Tahap 2 hingga Tahap 7, Pengurus Kualiti. Mereka bermula pada

Tahap 2 kerana Juruteknik Jaminan Kualiti dan Kawalan Kualiti akan mengendalikan aktiviti-aktiviti yang tidak rutin dan memerlukan tanggungjawab individu dan autonomi.

(iii) Tahap Permulaan pada Tahap 4

Sub sektor: Rekabentuk Litar Bersepadu dan Penyelidikan & Pembangunan

Rekabentuk Litar Bersepadu	Penyelidikan & Pembangunan
Tahap 7	Tahap 7
Tahap 6	Tahap 6
Tahap 5	Tahap 5
Tahap 4	Tahap 4
Tahap 3	Tahap 3
Tahap 2	Tahap 2
Tahap 1	Tahap 1

Pre requisite bagi Tahap 4, Pembantu Teknologis Rekabentuk Bersepadu pada Tahap 3 daripada Ujian Litar Bersepadu atau Fabrikasi Litar Bersepadu dan mereka boleh teruskan hingga Tahap 8. Bagi Penyelidikan & Pembangunan, pre requisite bagi Tahap 4 adalah Tahap 3 daripada sub sektor Mikroelektronik atau Pembuatan. Hal ini kerana, bidang tersebut merupakan bidang yang berteknikal tinggi dan memerlukan kepakaran kepada sesiapa yang berada pada Tahap 4 dan ke atas.

5.5 DEFINISI PEKERJAAN

Di bawah sektor Elektronik, tajuk pekerjaan telah dikenalpasti dan ditakrifkan. Setiap tajuk pekerjaan diberikan definisi pekerjaan yang ditentukan. Definisi bagi semua tajuk pekerjaan boleh dilihat dalam *Lampiran 2*.

5.6 TAJUK PEKERJAAN KRITIKAL

Tajuk pekerjaan kritikal telah ditentukan berdasarkan analisa yang dilakukan dengan pakar panel. Sejumlah **58 tajuk pekerjaan** di ambil kira sebagai kritikal berbanding **19 tajuk pekerjaan** yang tidak kritikal bagi sektor Elektronik.

(i) TAJUK PEKERJAAN KRITIKAL

(a) SUB SEKTOR: PENGGUNA ELEKTRONIK

No.	Tajuk Pekerjaan	Tahap
1	Penyelia Jaminan Kualiti	L4
2	Penyelia Kawalan Kualiti	L4
3	Pembantu Teknologis Kawalan & Proses	L4
4	Pembantu Teknologis Ujian Produk	L4
5	Pembantu Teknologis Instrumentasi	L4
6	Pembantu Teknologis Pengurusan Kuasa	L4
7	Pembantu Teknologis EMI & EMC	L4
8	Pembantu Teknologis Antaramuka	L4
9	Pembantu Teknologis Frekuensi Radio	L4
10	Pembantu Teknologis Sistem <i>Embedded</i>	L4
11	Pembantu Teknologis Papan Litar Bercetak	L4
12	Pembantu Teknologis Elektronik Optik	L4
13	Pembantu Teknologis Pemprosesan Isyarat Digital	L4
14	Eksekutif Kanan Jaminan Kualiti	L5
15	Eksekutif Kanan Kawalan Kualiti	L5
16	Teknologis Kawalan & Proses	L5
17	Teknologis Ujian Produk	L5
18	Teknologis Instrumentasi	L5
19	Teknologis Pengurusan Kuasa	L5
20	Teknologis EMI & EMC	L5
21	Teknologis Antaramuka	L5
22	Teknologis Frekuensi Radio	L5
23	Teknologis Sistem <i>Embedded</i>	L5
24	Teknologis Papan Litar Bercetak	L5
25	Teknologis Elektronik Optik	L5
26	Teknologis Pemprosesan Isyarat Digital	L5
27	Teknologis Kanan Pengurusan Kuasa	L6
28	Teknologis Kanan EMI & EMC	L6
29	Teknologis Kanan Antaramuka	L6
30	Teknologis Kanan Frekuensi Radio	L6
31	Teknologis Kanan Sistem <i>Embedded</i>	L6
32	Teknologis Kanan Papan Litar Bercetak	L6
33	Teknologis Kanan Elektronik Optik	L6
